



# POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT (WHISTLEBLOWING)

LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA







## LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA

*Malaysian Palm Oil Board (MPOB)*

### POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT (*WHISTLEBLOWING*) LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (MPOB)

#### 1. PENGENALAN

- 1.1 *Whistleblowing* merupakan satu kaedah pendedahan yang boleh dibuat oleh seseorang di dalam sesebuah organisasi mengenai apa-apa pelanggaran integriti dan salah laku atau kesalahan yang telah atau sedang berlaku, sama ada di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) atau mana-mana peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan warga **Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)**.
- 1.2 Polisi *Whistleblowing* (seterusnya akan di rujuk sebagai “Polisi ini”) bertindak sebagai suatu sistem pemberitahuan maklumat yang boleh menutup ruang dan peluang perlakuan tidak berintegriti dan seterusnya menyumbang kepada pembentukan sebuah organisasi yang lebih cekap dan berkesan.
- 1.3 Polisi ini bertujuan membolehkan warga MPOB, orang awam termasuk pemegang taruh MPOB dan penjawat awam lain ('Pemberi Maklumat') untuk membuat pendedahan mengenai mana-mana salah laku dan pelanggaran integriti kepada seseorang yang telah dilantik oleh MPOB ('Pegawai Yang Dilantik') tanpa rasa gentar terhadap sebarang tindak balas agar masalah dapat ditangani dengan berkesan dan segera.
- 1.4 Pada masa yang sama, Polisi ini juga akan memastikan setiap individu menggunakan hak mereka untuk membuat pendedahan secara bertanggungjawab dan wajar apabila mengesyaki akan kewujudan sesuatu perlakuan tidak betul yang akan, sedang atau telah berlaku.
- 1.5 Polisi ini berpandukan kepada prinsip-prinsip di bawah:
  - 1.5.1 MPOB komited kepada nilai-nilai ketelusan, integriti, kesaksamaan dan kebertanggungjawaban dalam mengendalikan urusan rasminya. Kesalahan seperti penyelewengan, salah guna kuasa, penipuan, rasuah, kesalahan kewangan yang serius dan kesilapan pengurusan yang melampau perlu dilaporkan mengikut **mekanismalaman dan saluran betul** agar ianya dapat diuruskan secara teratur dan berkesan.
  - 1.5.2 Polisi ini selaras dengan **Teras Utama MPOB** yang mementingkan **integriti dan profesionalisme** dalam menyampaikan perkhidmatan.

Pelaksanaan Polisi ini dapat memastikan integriti dan profesionalisme warga MPOB berada di tahap yang optimum. Sebarang salah laku dan pelanggaran integriti boleh didedahkan oleh mana-mana individu **mengikut saluran yang betul** yang mana ianya akan bertindak sebagai **sistem amaran awal** untuk mengenal pasti masalah atau menjangka situasi yang boleh menjelaskan imej MPOB. Ia juga membolehkan MPOB lebih bersedia menguruskan risiko dan perkara di luar jangkaan termasuk bagi memastikan masalah dan salah laku dan pelanggaran integriti yang sama tidak berulang di masa hadapan.

- 1.5.3 MPOB menggalakkan komunikasi terbuka dan budaya kerja yang jujur dengan mewujudkan prosedur-prosedur dalaman untuk menangani sebarang masalah. Polisi ini menjadi pelengkap kepada saluran aduan sedia ada di MPOB. Ia adalah suatu kaedah alternatif untuk warga MPOB memberi maklumat sekiranya saluran aduan sedia ada tidak boleh digunakan apabila aduan tersebut adalah berkait atau berhubung dengan penyelia terdekatnya atau ketua jabatan masing-masing.
- 1.5.4 MPOB menggalakkan warganya untuk mencapai tahap etika dan pematuhan undang-undang yang tinggi dan Polisi ini akan membantu komitmen MPOB dan warganya dalam mencapai tahap tersebut. Polisi ini akan diintegrasikan ke dalam amalan dan budaya kerja bagi membantu untuk menghalang penyelewengan, salah guna kuasa, penipuan, rasuah, kesalahan kewangan dan kesilapan pengurusan. Melalui pelaksanaan Polisi ini secara berkesan MPOB dapat mengekalkan integriti dan bersedia berhadapan dengan persepsi dan penelitian awam. Ini seterusnya mempertingkatkan dan membina kredibiliti MPOB sebagai sebuah agensi peneraju penyelidikan dan pembangunan serta perkhidmatan yang terunggul di negara ini.

## 2. TUJUAN

- 2.1 Tujuan Polisi ini dibangunkan adalah:

- 2.1.1 Untuk memudahkan pendedahan dibuat seawal mungkin dengan penuh bertanggungjawab dan **mengikut prosedur dalaman dan saluran yang betul**.
  - 2.1.2 Untuk menangani kemungkinan kesan negatif akibat pendedahan sesuatu maklumat dengan pendekatan dan mengikut masa yang sesuai. Apabila hal-hal pendedahan sebegini ditangani, ianya akan diberi keutamaan mengikut bentuk, keseriusan salah laku, pelanggaran integriti dan risiko kesan pendedahan.

- 2.1.3 Untuk melindungi Pemberi Maklumat dari sebarang tindakan balas akibat dari pendedahan yang dibuat dan melindungi maklumat peribadi pemberi maklumat.
- 2.1.4 Untuk berlaku adil terhadap Pemberi Maklumat dan tertuduh yang dilaporkan. Pemberi Maklumat akan diberitahu tentang status pendedahan beliau manakala tertuduh pula akan diberitahu tentang tuduhan terhadapnya dan akan diberi peluang untuk menjawab tuduhan-tuduhan tersebut. Identiti dan maklumat peribadi pihak Pemberi Maklumat dan tertuduh akan hanya didedahkan kepada mereka yang terlibat di dalam penyiasatan sahaja atau mana-mana proses lain mengikut keperluan dan atas dasar “perlu tahu” (*need to know basis*) sahaja.

### **3. SIAPA YANG BOLEH MEMBUAT PENDEDAHAN**

Warga MPOB, orang awam termasuk pemegang taruh MPOB dan penjawat awam yang lain boleh mendedahkan mengenai perkara-perkara berkaitan penyelewengan, salah guna kuasa, rasuah, salah laku amalan-amalan yang tidak sah dari segi peraturan dan undang-undang.

### **4. APA YANG BOLEH DIDEDEHKAN**

- 4.1 Sesuatu pendedahan berkenaan maklumat salah laku atau perlakuan tidak berintegriti (“Pendedahan”) boleh dibuat sekiranya ia berkaitan dengan mana-mana salah laku dan pelanggaran integriti berkenaan urusan rasmi MPOB seperti berikut:
  - 4.1.1 Penyelewengan;
  - 4.1.2 Salah guna kuasa;
  - 4.1.3 Rasuah;
  - 4.1.4 Kesalahan jenayah;
  - 4.1.5 Gangguan Seksual (*Sexual harassment*);
  - 4.1.6 Salah guna wang atau harta MPOB;
  - 4.1.7 Kesalahan tatatertib;
  - 4.1.8 Kesilapan pengurusan yang melampau dalam MPOB;
  - 4.1.9 Ketirisan kewangan yang serius dalam MPOB;

- 4.1.10 Satu kelakuan yang menimbulkan bahaya yang besar dan khusus kepada kehidupan, kesihatan atau keselamatan warga MPOB atau orang awam atau keadaan persekitaran;
  - 4.1.11 Kegagalan untuk mematuhi peruntukan-peruntukan atau peraturan-peraturan di bawah mana-mana peruntukan Akta 605 dan peraturan-peraturan serta Prosedur Operasi Piaawai (*SOP*) yang berkuatkuasa dari masa ke semasa; atau
  - 4.1.12 Dengan sengaja mengarah atau menasihati seseorang untuk melakukan kesemua / mana-mana kesalahan di atas.
- 4.2 Polisi ini tidak membenarkan pendedahan yang berkaitan dengan isu-isu, aduan atau kebimbangan mengenai:
  - 4.2.1 Perkara-perkara remeh atau tidak serius;
  - 4.2.2 Perkara-perkara yang berniat jahat atau menyakitkan hati atau didorongi agenda peribadi;
  - 4.2.3 Perkara-perkara yang melibatkan persoalan terhadap merit dasar Kerajaan terutamanya dasar/polisi MPOB;
  - 4.2.4 Perkara-perkara pendedahan yang melibatkan maklumat palsu;
  - 4.2.5 Perkara-perkara yang didedahkan dengan motif untuk mengelakkan dibuang kerja atau tindakan tatatertib yang lain;
  - 4.2.6 Perkara-perkara yang didedahkan di mana Pemberi Maklumat sendiri terlibat dengan salah laku tersebut;
  - 4.2.7 Perkara yang menunggu penyelesaian atau ditentukan melalui prosiding disiplin/tatatertib MPOB; atau
  - 4.2.8 Perkara yang menunggu penyelesaian atau ditentukan melalui mana-mana tribunal atau pihak berkuasa atau mahkamah, penimbangtaraan atau lain-lain prosiding yang serupa.
- 4.3 Kesalahan boleh berlaku semasa pelaksanaan urusan rasmi MPOB atau di mana-mana tempat kerja, yakni di mana-mana tempat yang berkaitan dengan urusan rasmi MPOB dan warga MPOB.

## **5. BILA PENDEDAHAN DIBOLEHKAN**

- 5.1 Pendedahan boleh dibuat oleh Pemberi Maklumat pada bila-bila masa selepas mendapat maklumat atau dokumen yang berkenaan.
- 5.2 Pemberi Maklumat harus tampil dengan apa-apa maklumat sama ada secara lisan atau dokumen, dan dibuat dengan niat baik dan berasaskan alasan yang munasabah, dengan kepercayaan bahawa sesuatu kesalahan / salah laku dijangka berlaku, sedang berlaku atau sudah berlaku.
- 5.3 Sekiranya Pemberi Maklumat pernah atau sedang terlibat dalam kesalahan / salah laku bagi pendedahan yang akan dibuat oleh beliau, Pemberi Maklumat perlu membuat pendedahan dan pengakuan dengan sukarela dan Pemberi Maklumat akan diberi pertimbangan yang sewajarnya untuk dilindungi di bawah Polisi ini dan dikecualikan daripada peruntukan di perenggan 4.2.6.

## **6. PROSEDUR MEMBUAT PENDEDAHAN**

- 6.1 Pada amnya, semua Pendedahan mengikut Polisi ini harus dibuat kepada Pegawai Yang Dilantik (rujuk Carta Aliran di Jadual 1) kecuali dalam keadaan sebagaimana yang dinyatakan di perenggan 6.4.3. Pegawai Yang Dilantik ialah yang memegang jawatan Ketua Seksyen Pengurusan Aduan dan Pegawai Siasatan (Seksyen Pengesanan dan Pengesahan) Unit Integriti, MPOB.
- 6.2 Pendedahan Awal
  - 6.2.1 Pendedahan boleh dibuat secara:
    - (a) emel: [unit.integriti@mpob.gov.my](mailto:unit.integriti@mpob.gov.my)
    - (b) telefon: 03-8769 4776 / 03-87694779
    - (c) bersemuka; atau
    - (d) surat:

Ketua Pengarah  
Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)  
No.6, Persiaran Institusi  
Bandar Baru Bangi  
43000 Kajang, Selangor

(U.P: Ketua Unit Integriti)

- 6.2.2 Bagi aduan yang dibuat secara bersemuka, Pegawai Yang Dilantik akan menulis pendedahan yang dibuat secara lisan dan disahkan oleh Pemberi Maklumat tersebut. Pendedahan tersebut boleh dibuat di mana-mana tempat yang difikirkan praktikal, bersesuaian dan selamat oleh Pegawai Yang Dilantik.
- 6.2.3 Bagi pendedahan yang dibuat secara emel dan surat, pengendalian dan akses kepada maklumat tersebut hendaklah dikendalikan oleh Pegawai Yang Dilantik sahaja.
- 6.2.4 Pendedahan harus mengandungi sekurang-kurangnya butiran Pemberi Maklumat seperti yang berikut:
- (a) Warga MPOB
- nama, jawatan, alamat semasa dan nombor telefon untuk dihubungi;
- (b) Bukan warga MPOB
- nama, alamat semasa, nama majikan / tempat bekerja dan nombor telefon untuk dihubungi.
- 6.2.5 Alasan munasabah untuk laporan tersebut termasuk sebanyak mungkin maklumat kesalahan, contohnya, jenis kesalahan, tarikh, masa dan tempat berlaku kejadian dan identiti pesalah;
- 6.2.6 Maklumat-maklumat saksi (jika ada) ; dan
- 6.2.7 Maklumat atau dengan menunjukkan bukti dokumen (jika ada).
- 6.3 Pemberi Maklumat mungkin diminta untuk tampil secara bersemuka atau dihubungi (mengikut keadaan yang bersesuaian) untuk mendapatkan maklumat atau keterangan lanjut sekiranya pendedahan yang diberikan olehnya perlu disiasat dengan lebih lanjut.
- 6.4 Penapisan dan Penilaian Awal Pendedahan
- 6.4.1 Pegawai Yang Dilantik akan menapis dan menilai sesuatu maklumat / pendedahan itu untuk memastikan sama ada maklumat / pendedahan yang diterima adalah lengkap dan berasas sebagaimana di perenggan 6.2.3, 6.2.4, 6.2.5 dan 6.2.6 serta berkaitan dengan kesalahan / salah laku pelanggaran integriti dalam skop Polisi ini sebagaimana yang diperuntukkan di perenggan 4.1 dan 4.2.

- 6.4.2 Selanjutnya, Pegawai Yang Dilantik akan menyediakan laporan untuk penilaian Jawatankuasa Menilai Aduan (JMA) Unit Integriti MPOB dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh Pegawai Yang Dilantik menerima maklumat berhubung sesuatu pendedahan itu. Seterusnya, Jawatankuasa Menilai Aduan (JMA) Unit Integriti MPOB akan mengemukakan Laporan Penilaian Awal (LPA) berserta syor yang difikirkan sesuai kepada Ketua Pengarah MPOB untuk pertimbangan dan kelulusan Ketua Pengarah berhubung tindakan selanjutnya ke atas sesuatu pendedahan itu.
- 6.4.3 Satu Pendedahan boleh dibuat secara terus kepada Ketua Unit Integriti dalam keadaan antara mana-mana dua situasi berikut:
- (a) Bila mana Pendedahan itu melibatkan kesalahan / salah laku oleh Pegawai Yang Dilantik ; atau
  - (b) Bila mana Pendedahan itu tidak melibatkan Pegawai Yang Dilantik tetapi Pemberi Maklumat percaya bahawa Pegawai Yang Dilantik ada kepentingan peribadi dengan mana-mana orang yang terlibat dengan kesalahan / salah laku dalam pendedahan tersebut.
  - (c) Dalam mana-mana dua situasi di atas, Ketua Unit Integriti boleh mengecualikan Pegawai Yang Dilantik daripada mengendalikan Pendedahan tersebut dan melantik mana-mana pegawai yang difikirkan bersesuaian dan layak sebagai Pegawai Yang Dilantik Khas untuk mengendalikan Pendedahan tersebut dan melindungi Pemberi Maklumat di bawah Polisi ini.
- 6.4.4 Sekiranya pendedahan melibatkan Ketua Unit Integriti, Pemberi Maklumat boleh menyalurkan maklumat kepada Pegawai Yang Dilantik dan Pegawai Yang Dilantik hendaklah terus menyalurkan maklumat / pendedahan kepada Ketua Pengarah MPOB, tanpa perlu merujuk kepada Ketua Unit Integriti terlebih dahulu. Selanjutnya, Ketua Pengarah MPOB bolehlah mengarahkan Pegawai Yang Dilantik tersebut untuk terus mengambil tindakan dengan mengecualikan sepenuhnya Ketua Unit Integriti dalam kesemua proses tersebut sehingga Pendedahan tersebut diputuskan oleh Jawatan Kuasa Khas Siasatan Dalaman (JKSD) yang dilantik secara pentadbiran oleh Ketua Pengarah.

## 6.5 Rujukan Kepada JMA Unit Integriti MPOB

- 6.5.1 Berikutan perenggan 6.4.2 di atas, Pendedahan yang disertakan dengan laporan awal akan disediakan oleh Pegawai Yang Dilantik kepada JMA Unit Integriti. JMA Unit Integriti ini terdiri daripada Ketua

Unit Integriti dan Pegawai Aduan Unit Integriti dan mana-mana pegawai yang mengetuai empat (4) Fungsi Teras (Tadbir Urus, Tatatertib, Pematuhan dan Pengukuhan Integriti dan Pengesahan dan Pengesahan) dalam Unit Integriti MPOB dan atau mana-mana pegawai yang bersesuaian. JMA Unit Integriti mempunyai kuasa untuk mengesyorkan sesuatu keputusan muktamad termasuk:

- (a) Pendedahan ditolak kerana tidak berasas, maklumat palsu atau maklumat tidak mencukupi atau tidak berkualiti;
- (b) Pendedahan dipertimbangkan untuk diambil tindakan di bawah mana-mana prosedur dalaman lain yang difikirkan bersesuaian;
- (c) Mengarahkan suatu penyiasatan lanjut ke atas Pendedahan tersebut seperti penubuhan Jawatan Kuasa Khas Siasatan Dalaman (JKSD) yang ditubuhkan secara pentadbiran dengan kelulusan Ketua Pengarah;
- (d) Memutuskan tindakan pemulihan atau pencegahan secara pentadbiran yang akan diambil ke atas warga MPOB di mana hukuman yang akan dikenakan termasuk peringatan secara pentadbiran, amaran atau teguran formal, pertukaran penempatan atau diberhentikan perkhidmatannya bagi kes pegawai dalam perkhidmatan Kontrak / Sementara / Sambilan dari MPOB atau jenis hukuman yang lain termasuk dalam bentuk kewangan dan atau mengesyorkan untuk dirujuk kepada Jawatankuasa Tatatertib sebagaimana diperuntukan di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000 (Akta 605);
- (e) Merujuk kepada mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan. Bagi pertimbangan di bawah perenggan ini:
  - (i) sekiranya JMA Unit Integriti berpuas hati dan memutuskan Pendedahan / maklumat yang diterima diklasifikasikan sebagai suatu kesalahan jenayah, JMA hendaklah merujuk Pendedahan tersebut dan segala maklumat yang berkaitan kepada mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan contohnya pihak PDRM / SPRM / APMM dan lain-lain; atau
  - (ii) sekiranya JMA Unit Integriti berpuas hati Pendedahan / maklumat yang diterima tertakluk di bawah bidang kuasa MPOB, ianya wajar dikendalikan oleh MPOB berdasarkan peruntukan undang-undang yang ada dan pengadu akan dilindungi sepenuhnya di bawah Polisi ini dan / atau turut dilindungi di bawah polisi perlindungan pemberi maklumat di

bawah Akta 711 mengikut mana yang bersesuaian dan selaras dengan fungsi dan kuasa agensi tersebut; dan

- (iii) Lain-lain tindakan yang difikirkan wajar dan bersesuaian oleh JMA Unit Integriti. Contohnya keputusan berhubung Pendedahan / maklumat hanya melibatkan keputusan di peringkat pengurusan tertinggi MPOB.

6.5.2 Sekiranya Pendedahan melibatkan mana-mana ahli JMA Unit Integriti yang dilantik, sebelum pendedahan tersebut dirujuk kepada JMA Unit Integriti, Ketua Unit Integriti boleh mengesyorkan kepada Ketua Pengarah MPOB untuk melantik ahli JMA yang baru (bagi menggantikan ahli JMA yang dikatakan terlibat dengan pendedahan tersebut) atau lain-lain kaedah yang difikirkan bersesuaian.

#### 6.6 Proses Siasatan dan Keputusan Pendedahan oleh Pemberi Maklumat

- 6.6.1 Pemberi Maklumat dan orang yang terlibat dalam Pendedahan tersebut akan diminta untuk memberi kerjasama sepenuhnya dalam mana-mana peringkat penyiasatan dan lain-lain proses yang dilaksanakan mengikut Polisi ini untuk menyempurnakan proses pencarian fakta bagi membantu JMA Unit Integriti dalam proses untuk membuat keputusan; dan,
- 6.6.2 Pemberi Maklumat juga bolehlah dimaklumkan akan tindakan yang telah diambil dan status Pendedahan yang telah dibuat.

### 7. PERLINDUNGAN

#### 7.1 Warga MPOB

- 7.1.1 Setelah membuat pendedahan, berlandaskan sebab-sebab munasabah dan mengikut polisi ini:
  - (a) Pemberi Maklumat akan dilindungi dari tindak balas dalaman MPOB sebagai akibat langsung kerana pendedahan yang dibuatnya;
  - (b) Identiti dan maklumat Pemberi Maklumat sebagaimana di perenggan 6.2.4 (a) di atas akan dilindungi dan diklasifikasikan sebagai “**Rahsia**”;
  - (c) Identiti dan maklumat peribadi Pemberi Maklumat dan pesalah tersebut hanya akan didedahkan kepada mereka yang terlibat di dalam penyiasatan sahaja atau mana-mana proses mengikut keperluan pada dasar “perlu tahu” sahaja.

- (d) Jika seseorang warga MPOB telah menghadapi gangguan, dijadikan mangsa atau dikenakan tindakan balas dalaman disebabkan kesan langsung kerana membuat pendedahan di bawah Polisi ini, Pemberi Maklumat boleh melaporkan perkara tersebut kepada Ketua Unit Integriti / Pegawai Yang Dilantik dan Ketua Unit Integriti / Pegawai Yang Dilantik hendaklah memaklumkan perkara tersebut kepada JKSD atau Ketua Pengarah bagi membolehkan JKSD atau Ketua Pengarah mempertimbangkan dan memutuskan apa-apa remedи yang wajar dan bersesuaian terhadap Pemberi Maklumat.

## 7.2 Orang awam (termasuk pemegang taruh MPOB)

7.2.1 Setelah membuat pendedahan, berlandaskan sebab-sebab munasabah dan mengikut polisi ini:

- (a) Identiti Pemberi Maklumat akan dilindungi dan segala maklumat akan diklasifikasikan sebagai “**Rahsia**”.
- (b) Identiti dan maklumat peribadi pihak Pemberi Maklumat dan pesalah tersebut hanya akan didedahkan kepada mereka yang terlibat di dalam penyiasatan sahaja atau mana-mana proses mengikut keperluan pada dasar “perlu tahu” sahaja.

## 7.3 Mana-mana penjawat awam (bukan warga MPOB)

7.3.1 Setelah membuat pendedahan dengan niat baik, berlandaskan sebab-sebab munasabah dan mengikut prosedur polisi ini:

- (a) Identiti Pemberi Maklumat akan dilindungi dan segala maklumat akan diklasifikasikan sebagai “**Rahsia**”.
- (b) Identiti dan maklumat peribadi Pemberi Maklumat dan pesalah hanya akan didedahkan kepada mereka yang terlibat di dalam penyiasatan atau mana-mana proses atas dasar “perlu tahu.”

## 7.4 MPOB tidak akan melindungi Pemberi Maklumat tanpa menyertakan identiti mereka yang sah.

## **8. PEMBATALAN PERLINDUNGAN**

Walau bagaimanapun keistimewaan perlindungan-perlindungan dinyatakan dalam perenggan 7 di atas akan hilang secara automatik (setakat yang bersesuaian) sekiranya mana-mana Pemberi Maklumat membuat perlakuan sebagaimana di perenggan 4.2 di atas.




.....  
**DR. AHMAD PARVEEZ HJ GHULAM KADIR**  
Ketua Pengarah MPOB

## **RUJUKAN**

1. Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711)
2. Akta Badan-Badan Berkanun (Tataterrib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)
3. Garis Panduan Pelaksanaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711), Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri bertarikh 21 Mac 2011
4. Polisi Whistleblowing; Kementerian Dalam Negeri (KDN), Tahun 2014
5. Polisi Bagi Pendedahan Maklumat Berkenaan Kelakuan Tidak Wajar; Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)
6. Polisi Dalaman Pemberian Maklumat; Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), bertarikh 03 September 2020

**JADUAL 1**  
**CARTA ALIRAN PROSEDUR MENGURUS PENDEDAHAN DI BAWAH POLISI**  
**PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT MPOB**





## **LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (MPOB)**

No. 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan

[www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my)